



KENYATAAN MEDIA

ORANG KURANG UPAYA (OKU) RANCAKKAN PASARAN PEKERJAAN MELALUI KARNIVAL KERJAYA ANJURAN PERKESO

KUALA LUMPUR – Bersempena Hari OKU Sedunia yang bertemakan ‘**Kepimpinan dan Penyertaan OKU Menuju Endemik COVID-19**’, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi Pejabat PERKESO Kuala Lumpur buat julung kalinya menganjurkan **Karnival Kerjaya Orang Kurang Upaya (OKU)** pada **14 Disember 2021** bertempat di **Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)**.

Karnival yang berlangsung selama sehari ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti kaunseling kerjaya, bantuan pendaftaran Portal Pekerjaan Nasional, MYFutureJobs dan sesi temu duga terbuka. Sebanyak **16** majikan mengambil bahagian dalam karnival khas kepada golongan istimewa ini dengan hampir **2,000** peluang pekerjaan ditawarkan. Antara majikan yang terlibat adalah Padini Holding Bhd, HDTEC Energy Sdn Bhd, FMJ Synergy Sdn Bhd, Lulu Group Retail Sdn Bhd, Teleperformance Malaysia Sdn Bhd dan pelbagai lagi.

Penganjuran karnival ini adalah bagi memastikan golongan OKU di negara ini mendapat peluang yang sama rata untuk menyumbang kepada ekonomi negara. Ia sejajar dengan **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030** yang menerapkan **tiga (3)** objektif utama iaitu menstruktur ekonomi, menangani ketidaksamaan dan membina negara.

Karnival Kerjaya OKU ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia. Turut mengiringi beliau ialah Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) merangkap pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM); Maniam Arumugam, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KSM; Datuk Seri Hj. Mahadi Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur; Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Hj. Abdullah, Pengerusi Lembaga PERKESO dan Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Dato’ Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO.

Karnival kali ini mensasarkan seramai **500** penyertaan daripada golongan OKU pembelajaran, pendengaran dan pertuturan, fizikal serta kelainan upaya pelbagai. Ia turut disokong dengan penglibatan daripada agensi-agensi berkaitan seperti Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Persatuan Orang-Orang Cacat Anggota Malaysia, Persatuan Dyslexia Malaysia HQ dan Kelab Golongan Orang Kurang Upaya.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), bilangan OKU berdaftar di kawasan Lembah Klang adalah seramai **137,186** orang. Daripada jumlah tersebut, seramai **9,164** orang telah mendaftar dengan Portal MYFutureJobs sejak dari tahun 2020 sehingga kini. Seramai **1,000** orang daripada jumlah itu pula telah berjaya menempatkan diri di alam pekerjaan melalui portal MYFutureJobs serta karnival anjuran PERKESO.

Dalam ucapan beliau, YB Datuk Seri M. Saravanan menyeru majikan yang menyertai karnival kerjaya ini dan di luar sana untuk memohon bantuan Insentif Pengambilan Pekerja atau **Program PenjanaKerjaya 3.0** di bawah **Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** yang akan berakhir hujung tahun ini. Bagi majikan yang menggajikan pekerja daripada golongan OKU atau golongan rentan, mereka layak untuk menerima bayaran insentif sehingga **RM36,000** bagi tempoh maksimum **6 bulan**. Bukan itu sahaja, majikan juga boleh menghantar pekerja OKU ini untuk menjalani latihan bagi meningkatkan kemahiran kerja mereka, di mana program latihan boleh dipilih oleh majikan dan yuran latihan antara **RM4,000 hingga RM7,000** turut disediakan dan ditanggung di bawah Program PenjanaKerjaya 3.0.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang PERKESO <https://www.perkeso.gov.my>, Portal MYFutureJobs di <https://www.myfuturejobs.gov.my> atau hubungi **Careline PERKESO 1-300-22-8000** atau e-mel ke perkeso@perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi Strategik
14 Disember 2021

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 atau S. Retnanathan di talian +6016 – 2555 602
